

535:

MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR, 13 MAC (BERNAMA) - KERAJAAN BELUM MENARIK BALIK, WALAUPUN KEPUTUSAN TELAH DIBUAT, BIASISWA DARI PELAJAR-PELAJAR YANG TERLIBAT DALAM DEMONTRASI PENGHUJUNG TAHUN LALU, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

KATANYA, KEPUTUSAN UNTUK MENARIK BALIK BIASISWA DARIPADA LEBIH 1,000 ORANG PELAJAR BERING DIKAJI DENGAN TELITI OLEH PIHAK-PIHAK YANG MENGELUARKAN BIASISWA TERSEBUT.

INI JALAH KERANA KERAJAAN TIDAK INGIN MELIHAT PELAJAR-PELAJAR YANG BENAR-BENAR INGIN BELAJAR TERJEJAS PELAJARANNYA AKIBAT TINDAKAN SEUMPAMA ITU, TAMBAH BELIAU.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KEEADA PARA PEMBERITA SELEPAS DIKUNJUNGI OLEH SEROMBONGAN LIMA ORANG SENATOR DARI SURUHANJAYA HAL EHWAL AWAM PERANCIS YANG DIKETUAI OLEH PRESIDENNYA, ENCIK JEAN DE BAGNEUX, DI PEJABATNYA DI SINI.

PELAJAR-PELAJAR YANG TERLIBAT BOLEH MEMBUAT RAYUAN KEPADA PIHAK PIHAK YANG MEMBERKAN BIASISWA ITU JIKA BIASISWA MEREKA DITARIK BALIK KATANYA. -- BERSAMBUNG 1402/LK

551

542:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PIHAK-PIHAK TERSEBUT AKAN MEMBERI PERTIMBANGAN SESUAI KEPADA TIAP PEMOHON MENERUSKAN BIASISWA MASING-MASING SUPAYA MEREKA YANG BENAR-BENAR HENDAK BELAJAR DAPAT MENERUSKAN PELAJARAN.

MENTERI PELAJARAN BERKATA KERAJAAN SEDAR RAMAI JUGA PARA PELAJAR YANG TERLIBAT DALAM DEMONTRASI PELAJAR ITU ADALAH "TERSERET DAN TERPENGARUH" OLEH HASUTAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KEPUTUSAN KEPADA HENDAK MENARIK BALIK BIASISWA ITU ADALAH SEMATA-MATA UNTUK MEMPASTIKAN WANG RAKYAT TIDAK DISALAHGUNAKAN OLEH PARA PELAJAR.

PEMBERIAN BIASISWA JALAH UNTUK MEMBANTU PARA PELAJAR MELANJUTKAN PELAJARAN BUKU UNTUK MENGADAKAN DEMONTRASI MENENTANG KERAJAAN, KATANYA. -BERSAMBUNG HM. 1412

547:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERLANTIKAN PENGARAH INSTITUTIUT TEKNOLOJI MARA (ITM) YANG BARU, DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIANNYA MASIH LAGI MENCARI CALUN YANG SESUAI UNTUK MENGGANTIKAN DATUK ARSHAD AYUB.

DATUK ARSHAD DIRAMALKAN DILANTIK MENJADI TIMBALAN GABENOR BANK NEGARA.

BUAT SEMENTARA SEORANG PEMANGKU AKAN DILANTIK UNTUK MENTADBIRKAN ITM, KATANYA.

MENGENAI PERTÉMUANNYA DENGAN ROMBONGAN PERANCIS ITU, DR. MAHATHIR BERKATA ROMBONGAN TERSEBUT MENGESYORKAN SUPAYA PENGAJARAN BAHASA PERANCIS DIPERLUASKAN DI NEGARA INI.

KATANYA, PENGAJARAN BAHASA ASING MEMANG DIGALAKKAN DI INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN TINGGI SEPERTI DI UNIVERSITI MALAYA DAN ITM.

SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG PESAT MEMBANGUN MALAYSIA MEMERLUKAN LEBIH RAMAI RAKYAT YANG MAHIR BERBAHASA ASING TERUTAMA BAGI PEMANDU-PEMANDU PELANCUNG. -- BERSAMBUNG
HM 1436

548:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

JUGA MEMANDANGKAN SEMAKIN BANYAK PERSIDANGAN ANTARABANGSA DIADAKAN DI NEGARA INI, BANYAK JURUBAHASA YANG MAHIR DALAM BERBAGAI BAHASA DIPERLUKAN.

KERAJAAN, KATANYA TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENUBUHKAN SEKOLAH JURUBAHASA DI UNIVERSITI MALAYA TETAPI RANCANGAN TERSEBUT TERPAKSA DITANGGUHKAN KERANA PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB TIDAK DAPAT MENERUSKAN TUGAS-TUGASNYA OLEH SEBAB-SEBAB TERTENTU.

SEORANG CALUN YANG SESUAI SEDANG DICARAI UNTUK MENERUSKAN RANCANGAN ITU.

DALAM PERJUMPAAN TERSEBUT, ROMBONGAN ITU TELAH JUGA DIBERI TAKLIMAT MENGENAI SISTEM PELAJARAN DI NEGARA INI.

KEMUDIAN ROMBONGAN ITU MENGUNJUNGI YANG DIPERTUA DEWAN NEGARA, TAN SRI OMAR YOKE LIN ONG DI BANGUNAN PARLIMEN.

SEMASA DISINI MEREKA AKAN JUGA MELAWAT UNIVERSITI KEBANGSAAN, ITM. ANGKASAPURI DAN MUZIUM NEGARA. -- BERNAMA 1450/SZ